



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel : +603-88849586 (Aras 3)

+603-88849370 (Aras 4)

Faks : +603-88849315

Laman Web : www.moe.gov.my

KP(BPSH-SPKIA)703/16 **JLID-2(1)**
13 Januari 2015

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

**PEMANTAUAN PENGURUSAN ASRAMA (PPA), PEMANTAUAN BANTUAN
MAKANAN ASRAMA (PBMA) DAN PELAPORAN SECARA ATAS TALIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, Pemantauan ini merupakan salah satu aktiviti utama dalam pengurusan asrama harian dan merupakan elemen yang terdapat dalam Data Semakan Prestasi Jabatan Pendidikan Negeri dan akan dilaporkan dalam Semakan Prestasi Transformasi Asrama Harian di peringkat PPD, JPN dan KPM.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk melaksanakan pemantauan ke semua asrama harian di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan sekurang-kurangnya **1 (satu) kali setahun** menggunakan instrumen yang telah disediakan.

4. Mulai 2015 penghantaran Rumusan Pemantauan 4 kali setahun menggunakan LAMPIRAN PPA 1 dan LAMPIRAN PBMA 1 adalah **dimansuhkan**. BPSH telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan **aplikasi secara atas talian** untuk tujuan pelaporan di peringkat PPD, JPN dan KPM. Untuk tujuan pelaporan sahaja, mulai 2015 setiap **pemantau yang dilantik** dan melaksanakan pemantauan hendaklah **memasukkan dapatan pemantauan** (berdasarkan Instrumen PPA dan PBMA) ke dalam aplikasi secara atas talian (On-line) yang disediakan sebaik sahaja selesai melaksanakan pemantauan. Aplikasi ini boleh diakses melalui Laman Web KPM di alamat www.moe.gov.my di ruangan **"E-PERKHIDMATAN" Sepanjang Masa** di bawah tajuk **"PEMANTAUAN PENGURUSAN ASRAMA DAN BANTUAN MAKANAN ASRAMA (PPABMA)"**. Kaedah dan maklumat lanjut akan ditaklimatkan oleh pihak JPN.

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166

4. Bahagian ini memohon jasa baik YBhg. Datuk/Tuan untuk memastikan pelaksanaan pemantauan ini adalah mengikut prosedur pemantauan yang ditetapkan oleh SIRIM MS:ISO 9001:2008 melalui PK03 (Pengurusan Pemantauan). JPN juga diingatkan supaya dapat **mematuhi** garis panduan yang disediakan supaya pelaporan di peringkat kebangsaan tidak terjejas.

7. Bersama ini disertakan bahan dan format berkaitan untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan.

- i. Panduan Pemantauan PPA, PBMA Dan Pelaporan Secara Atas Talian Kementerian Pendidikan Malaysia 2015
- ii. Instrumen Pemantauan Pengurusan Asrama (PPA)
- iii. Instrumen Pemantauan Bantuan Makanan Asrama (PBMA)

8. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan dan mengedarkan bahan tersebut ke semua sekolah harian berasrama di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan. Instrumen ini juga boleh dimuat turun di alamat www.moe.gov.my/v/Asrama-Harian . Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung ke Bahagian ini melalui telefon 03-88849342/9409 atau e-mel bahrin@moe.gov.my atau juraidah.jalaluddin@moe.gov.my.

Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA “

Saya yang menurut perintah,


ABDULLAH BIN MAD YUNUS
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia